

# AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987 (AKTA 333)

## PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (PERUNTUKAN TEMPAT LETAK KERETA) WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR 2016

### P.U.(A) 196/2016

---

SENARAI PINDAAN :

BIL.	NO. P.U.(A) NO. P.U.(B)	TARIKH DIWARTAKAN	CATITAN
1	P.U.(A)277/2016		
2	P.U.(A)365/2021		
3			
4			
5			
6			
7			
8			



MALAYSIA

**Warta Kerajaan**  
**SERI PADUKA BAGINDA**  
**DITERBITKAN DENGAN KUASA**

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 60  
No. 14

**13hb Julai 2016**

*TAMBAHAN No. 72*  
*PERUNDANGAN (A)*

---

---

**P.U. (A) 196.**

**AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987**

**PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (PERUNTUKAN TEMPAT LETAK  
KERETA) WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR 2016**

---

**SUSUNAN PERENGGAN**

---

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Perenggan**

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II**

**PERUNTUKAN AM**

3. Larangan meletak kenderaan motor kecuali di tempat letak kereta atau ruang letak kereta
4. Papan kenyataan
5. Kutipan caj yang ditetapkan

Perenggan

6. Cara meletak kenderaan motor
7. Berterusan meletak kenderaan motor selepas tamat tempoh letak kereta

**BAHAGIAN III**

**TEMPAT LETAK KERETA BERMETER**

8. Tempat letak kereta bermeter
9. Larangan meletak kenderaan motor tanpa membayar caj yang ditetapkan
10. Larangan meletak kenderaan motor selepas tamat tempoh letak kereta
11. Meter letak kereta yang rosak
12. Masa letak kereta terkawal
13. Pengehadan masa letak kereta
14. Sekatan meletak kereta
15. Ruang letak kereta khas di tempat letak kereta bermeter
16. Pembaharuan pelekat ruang letak kereta khas di tempat letak kereta bermeter
17. Kehilangan dan pengubahan pelekat ruang letak kereta khas di tempat letak kereta bermeter
18. Gangguan terhadap meter letak kereta

**BAHAGIAN IV**

**TEMPAT LETAK KERETA BERKUPON**

19. Pengeluaran kupon letak kereta
20. Pematuhan syarat
21. Penggunaan kupon letak kereta
22. Mempamerkan kupon letak kereta
23. Kesalahan

**BAHAGIAN V**

**TEMPAT LETAK KERETA BERMUSIM**

24. Larangan meletak kenderaan motor tanpa pelekat letak kereta bermusim
25. Pelekat letak kereta bermusim
26. Pembaharuan pelekat letak kereta bermusim
27. Kehilangan atau pemindahan pelekat letak kereta bermusim

BAHAGIAN VI  
TEMPAT LETAK KERETA BERTIKET

Perenggan

28. Larangan meletak kenderaan motor tanpa tiket letak kereta
29. Pembayaran caj yang ditetapkan
30. Larangan meletak kenderaan motor kali kedua menggunakan resit asal

BAHAGIAN VII  
TEMPAT LETAK KERETA TERKAWAL

31. Tempat letak kereta terkawal
32. Syarat-syarat untuk meletak kenderaan motor

BAHAGIAN VIII  
PELBAGAI

33. Pematuhan arahan dan syarat
34. Kenderaan motor yang ditinggalkan
35. Penggantungan penggunaan tempat letak kereta atau ruang letak kereta
36. Kenderaan motor yang dikecualikan
37. Halangan
38. Kenderaan motor hendaklah dialihkan selepas satu hari
39. Larangan berdagang atau berniaga
40. Larangan menggunakan ruang letak kereta yang dikhaskan untuk orang kurang upaya
41. Larangan menggunakan tempat letak kereta atau ruang letak kereta selain bagi maksud meletak kereta
42. Pengalihan kenderaan motor oleh Datuk Bandar
43. Pengapitan roda kenderaan motor oleh Datuk Bandar
44. Penahanan kenderaan motor atau barang yang dialihkan oleh Datuk Bandar
45. Larangan membaiki kenderaan motor
46. Larangan membasuh atau mencuci
47. Peruntukan mengenai tanda dan isyarat
48. Kecemasan
49. Datuk Bandar tidak bertanggung bagi kehilangan atau kerosakan
50. Pembatalan

JADUAL

## AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (PERUNTUKAN TEMPAT LETAK KERETA)  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 72 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Datuk Bandar membuat perintah yang berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2016**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 18 Julai 2016.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333];

“atendan letak kereta” ertinya—

- (a) warden lalu lintas yang dilantik oleh Datuk Bandar di bawah seksyen 3 Akta;
- (b) orang yang diberi kuasa oleh Datuk Bandar untuk melaksanakan atau menguatkuasakan peruntukan Perintah ini dan untuk memungut caj yang ditetapkan; atau
- (c) orang yang dilantik oleh Datuk Bandar untuk mengawal dan menyelia tempat letak kereta atau ruang letak kereta dan untuk memungut caj yang ditetapkan;

“caj yang ditetapkan” ertinya caj yang ditetapkan dalam Jadual sebagai pembayaran caj meletak kereta berkenaan dengan kenderaan motor yang diletak di dalam mana-mana ruang letak kereta;

“jam” termasuklah sebahagian daripada satu jam;

“kad bayar dahulu” ertinya kad yang dibenamkan dengan cip mikropemproses yang boleh mendapatkan semula, menyimpan dan mengubah suai pangkalan data khusus yang direka bentuk bagi maksud membuat apa-apa bayaran yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar atau mana-mana ejen yang diberi kuasa oleh Datuk Bandar;

“kawasan di luar kawasan perancangan pusat” ertinya kawasan yang disebut dalam Perintah Ibu Kota Persekutuan (Kawasan Bandaraya) 1974 [P.U. (A) 42/1974] tetapi tidak termasuk kawasan perancangan pusat;

“kawasan perancangan pusat” ertinya kawasan yang bersempadan dengan dan termasuklah Jalan Tun Razak, Jalan Yew, Jalan Sungai Besi, Jalan Lapangan Terbang Lama, Jalan Istana dan Lebuhraya Mahameru;

“kupon letak kereta” ertinya kupon yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar atau mana-mana ejen yang dilantik oleh Datuk Bandar apabila bayaran dibuat yang padanya dinyatakan caj yang ditetapkan, tempoh letak kereta dan tarikh kenderaan motor dibenarkan diletak di mana-mana ruang letak kereta;

“meter letak kereta” ertinya suatu alat, termasuk tiang besi, penyangga atau apa-apa sokongan lain yang bersambung dengan meter letak kereta yang dibina, direka bentuk dan dikendalikan dengan memasukkan syiling, wang kertas, kad bayar dahulu atau melalui apa-apa kaedah bayaran lain yang menunjukkan tempoh letak kereta dan tarikh sesuatu kenderaan motor dibenarkan diletak di dalam mana-mana ruang letak kereta;

“meter letak kereta jenis automatik” ertinya meter letak kereta yang dikendalikan dengan memasukkan syiling, wang kertas atau kad bayar dahulu ke dalam meter letak kereta dan mekanisme di dalam meter letak kereta secara automatik akan menunjukkan tempoh letak kereta dan tarikh kenderaan motor dibenarkan untuk diletak mengikut nilai syiling, wang kertas atau kad bayar dahulu yang dimasukkan;

“meter letak kereta jenis manual” ertinya meter letak kereta yang dikendalikan dengan memasukkan syiling, wang kertas atau kad bayar dahulu ke dalam meter letak kereta dan dengan memutarakan tombol atau menekan atau memetik apa-apa alat lain bagi membolehkan syiling, wang kertas atau kad bayar dahulu diterima oleh meter itu yang akan menunjukkan tempoh letak kereta dan tarikh kenderaan motor itu dibenarkan untuk diletak mengikut nilai syiling, wang kertas atau kad bayar dahulu yang dimasukkan;

“pelekat letak kereta bermusim” ertinya pelekat yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar kepada seseorang untuk meletak kenderaan motornya dalam ruang letak kereta bermusim untuk apa-apa tempoh yang dinyatakan di dalam pelekat itu atas pembayaran caj yang ditetapkan;

“pelekat letak kereta khas” ertinya pelekat yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar kepada seseorang untuk meletak kenderaan motornya dalam ruang letak kereta khas untuk apa-apa tempoh yang dinyatakan di dalam pelekat itu atas pembayaran caj yang ditetapkan;

“ruang letak kereta khas” ertinya suatu ruang letak kereta di tempat letak kereta bermeter yang bayaran cajnya dibuat secara bulanan dan ruang letak kereta itu ditandakan dengan apa-apa cara yang boleh ditetapkan oleh Datuk Bandar, yang di dalamnya hanya kenderaan motor yang berkenaan dengannya suatu pelekat letak kereta bulanan telah dibeli boleh diletakkan;

“ruang letak kereta” ertinya suatu ruang yang ditandakan dengan garisan bercat, tahanan, isyarat atau tanda-tanda lain untuk meletak sesuatu kenderaan motor di sepanjang jalan atau mana-mana bahagian jalan atau di tempat letak kereta;

“ruang letak kereta bermusim” ertinya suatu ruang letak kereta yang bayaran cajnya dibuat secara bulanan dan ruang letak kereta itu ditandakan dengan apa-apa cara yang boleh ditetapkan oleh Datuk Bandar, yang di dalamnya hanya kenderaan motor yang berkenaan dengannya suatu pelekat letak kereta bulanan telah dibeli boleh diletakkan;

“tanda dan isyarat” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan dalam kaedah 2 Kaedah-Kaedah Lalulintas (Saiz, Warna dan Jenis) 1959 [L.N. 167/1959];

“tempat letak kereta” ertinya mana-mana tempat yang dikhaskan sebagai tempat atau kawasan untuk meletakkan kenderaan motor yang disediakan oleh Datuk Bandar atau yang telah dipindahkan kepada atau yang telah terletak hak pada Datuk Bandar dengan apa-apa cara lain;

“tempat letak kereta berkupon” ertinya suatu tempat letak kereta di mana kenderaan motor menggunakan kupon letak kereta dibenarkan diletak;

“tempat letak kereta bermeter” ertinya suatu tempat letak kereta di mana meter letak kereta jenis manual atau meter letak kereta jenis automatik digunakan;

“tempat letak kereta bertiket” ertinya tempat letak kereta yang bayaran caj yang ditetapkan adalah mengikut jam, dan untuk tiap-tiap jam kenderaan motor diletakkan di dalam ruang letak kereta, suatu tiket letak kereta yang menyatakan kadar caj akan dikeluarkan oleh atendan letak kereta;

“tempat letak kereta terkawal” ertinya suatu tempat letak kereta yang waktu masuk dan keluar daripada tempat tersebut dicatatkan oleh seorang atendan letak kereta atau mesin tiket jenis automatik dan tempoh meletak kereta dikira daripada waktu masuk sehingga waktu keluar dan dibayar caj yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual;

“tempoh letak kereta” ertinya tempoh masa yang dinyatakan—

- (a) pada kupon untuk letak kereta;
- (b) pada tiket letak kereta; atau
- (c) pada meter letak kereta; dan

“tiket letak kereta”—

- (a) berhubung dengan tempat letak kereta bermeter ertinya suatu tiket yang membuktikan pembayaran caj letak kereta dan tempoh letak kereta yang diperoleh daripada meter letak kereta yang disediakan dalam sesuatu tempat letak kereta bagi penggunaan ruang letak kereta dalam tempat letak kereta itu;

- (b) berhubung dengan tempat letak kereta bertiket, ertinya tiket yang dikeluarkan oleh atendan letak kereta yang padanya dinyatakan nombor pendaftaran kenderaan motor, caj yang ditetapkan, tarikh dan tempoh kenderaan motor dibenarkan untuk diletak; dan
- (c) berhubung dengan tempat letak kereta terkawal, ertinya tiket yang dikeluarkan oleh atendan letak kereta atau mesin tiket jenis automatik yang tempoh meletak kereta dikira daripada waktu masuk sehingga waktu keluar.

## BAHAGIAN II PERUNTUKAN AM

### **Larangan meletak kenderaan motor kecuali di tempat letak kereta atau ruang letak kereta**

3. (1) Tiada seorang pun boleh meletak suatu kenderaan motor, menyebabkan atau membenarkan mana-mana kenderaan motor diletakkan di mana-mana tempat atau jalan atau bahagian jalan kecuali di tempat letak kereta atau ruang letak kereta yang disediakan bagi maksud itu oleh Datuk Bandar.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ringgit.

### **Papan kenyataan**

4. Datuk Bandar boleh mendirikan suatu papan kenyataan di tempat letak kereta yang menyatakan masa operasi, caj yang ditetapkan dan kandungan ringkas Perintah ini.

### **Kutipan caj yang ditetapkan**

5. (1) Tiada seorang pun selain atendan letak kereta boleh mengutip caj yang ditetapkan daripada mana-mana pemandu atau pemunya kenderaan motor bagi penggunaan sesuatu ruang letak kereta.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ringgit.

### **Cara meletak kenderaan motor**

6. (1) Tiada seorang pun boleh meletak kenderaan motor di ruang letak kereta melintasi apa-apa garisan yang menandakan ruang letak kereta itu atau meletak kenderaan motor dalam kedudukan yang kenderaan motor tersebut tidak secara menyeluruh berada di dalam ruang yang ditandakan untuk meletak kenderaan motor.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ringgit.

**Berterusan meletak kenderaan motor selepas tamat tempoh letak kereta**

7. (1) Tiada kenderaan motor boleh berada di dalam mana-mana ruang letak kereta selepas tamat tempoh letak kereta.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ringgit.

**BAHAGIAN III**

**TEMPAT LETAK KERETA BERMETER**

**Tempat letak kereta bermeter**

8. (1) Suatu tempat letak kereta bermeter boleh dibahagikan kepada ruang-ruang letak kereta dan bagi maksud Perintah ini, setiap ruang letak kereta bolehlah disediakan dengan meter letak kereta jenis manual atau meter letak kereta jenis automatik.

(2) Walau apa pun subperenggan (1), Datuk Bandar boleh menyediakan satu meter letak kereta bagi mana-mana orang untuk memperoleh tiket bayaran bagi maksud menggunakan mana-mana ruang letak kereta dalam tempat letak kereta bermeter.

**Larangan meletak kenderaan motor tanpa membayar caj yang ditetapkan**

9. (1) Tiada seorang pun boleh meletak kenderaan motor di tempat letak kereta bermeter tanpa membayar caj yang ditetapkan.

(2) Sebaik sahaja kenderaan motor diletakkan di dalam ruang letak kereta bermeter, pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah membayar caj yang ditetapkan dengan memasukkan syiling, wang kertas atau kad bayar dahulu ke dalam meter letak kereta itu yang sama nilainya dengan amaun caj yang ditetapkan bagi tempoh meletak kereta itu dan tarikh kenderaan motor itu dibenarkan untuk diletakkan dalam ruang letak kereta.

(3) Jika bayaran dibuktikan dengan tiket bayaran, tiket bayaran itu hendaklah dipamerkan pada papan pemuka menghadap cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat untuk diperiksa.

(4) Tiket bayaran adalah sah bagi tempoh letak kereta dan tarikh yang ditunjukkan dalam tiket bayaran itu dan hendaklah digunakan bagi meletak kenderaan motor dalam mana-mana ruang letak kereta di tempat letak kereta bermeter yang dinyatakan dalam tiket bayaran itu.

**Larangan meletak kenderaan motor selepas tamat tempoh letak kereta**

10. (1) Tiada seorang pun boleh membenarkan atau menyebabkan mana-mana kenderaan motor terus berada di ruang letak kereta bermeter selepas tempoh letak kereta dan tarikh kenderaan motor itu dibenarkan diletak telah tamat sebagaimana yang ditunjukkan pada meter atau tiket bayaran itu.

(2) Mana-mana orang yang ingin melanjutkan tempoh letak kereta hendaklah, sebelum atau sebaik selepas atau sebelum habis tempoh letak kereta, memasukkan syiling, wang kertas atau kad bayar dahulu ke dalam meter letak kereta yang sama nilainya dengan amaun caj yang ditetapkan bagi apa-apa tempoh lanjutan yang dikehendakinya sehingga tempoh maksimum yang dibenarkan pada sesuatu masa.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ringgit.

**Meter letak kereta yang rosak**

11. (1) Mana-mana orang yang meletak kenderaan motor di ruang letak kereta bermeter yang meter letak kereta itu tidak berfungsi atau rosak hendaklah memaklumkan atendan letak kereta mengenai hal itu.

(2) Apabila hal itu disahkan, atendan letak kereta hendaklah mengeluarkan resit rasmi yang padanya hendaklah dicatatkan—

- (a) nombor pendaftaran kenderaan motor itu; dan
- (b) tarikh dan tempoh masa kenderaan motor itu dibenarkan diletak berdasarkan bayaran yang dibuat kepada atendan letak kereta termasuklah bayaran yang dikatakan telah dibuat pada meter letak kereta itu; dan

menampalkan suatu salinan pendua resit itu pada cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor itu yang mudah dilihat.

(3) Atendan letak kereta hendaklah menampalkan pada mana-mana meter letak kereta yang tidak berfungsi atau rosak suatu notis bagi maksud itu atau menutup meter letak kereta itu dengan suatu penutup atau dengan apa-apa cara lain yang difikirkannya patut.

**Masa letak kereta terkawal**

12. (1) Datuk Bandar boleh mengawal masa letak kereta sesuatu tempat letak kereta bermeter dan boleh menetapkan masa letak kereta dalam tempoh antara pukul 7.30 pagi dan 10.00 malam pada mana-mana hari termasuk hari Ahad dan cuti am.

(2) Masa letak kereta terkawal bagi sesuatu tempat letak kereta bermeter hendaklah sebagaimana yang ditunjukkan dalam notis yang didirikan dan disenggara oleh Datuk Bandar di tempat letak kereta itu atau berhampiran dengannya.

#### **Pengehadan masa letak kereta**

13. (1) Walau apa pun perenggan 12, Datuk Bandar boleh mengehadkan masa untuk meletak kenderaan motor di tempat letak kereta bermeter yang hendaklah sebagaimana yang ditunjukkan dalam notis yang didirikan olehnya di tempat letak kereta itu atau berhampiran dengannya.

(2) Tiada seorang pun boleh meletak kenderaan motornya melebihi masa yang dihadkan oleh Datuk Bandar.

(3) Apabila tamat masa letak kereta di bawah subperenggan (1), mana-mana orang yang meletak kenderaan motornya dalam tempat letak kereta itu hendaklah mengalihkan kenderaan motornya daripada tempat letak kereta itu.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subperenggan (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ringgit.

#### **Sekatan meletak kereta**

14. (1) Datuk Bandar boleh menyekat penggunaan mana-mana tempat letak kereta bermeter pada masa yang ditunjukkan dalam notis yang didirikan oleh Datuk Bandar di tempat letak kereta itu atau berhampiran dengannya.

(2) Tiada seorang pun boleh menggunakan tempat letak kereta bermeter pada masa sekatan yang ditunjukkan dalam notis di bawah subperenggan (1).

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperenggan (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ringgit.

#### **Ruang letak kereta khas di tempat letak kereta bermeter**

15. (1) Datuk Bandar boleh menyediakan apa-apa bilangan ruang letak kereta khas dalam tempat letak kereta bermeter.

(2) Tiada seorang pun boleh menggunakan sesuatu ruang letak kereta khas di tempat letak kereta bermeter melainkan jika dia telah memperoleh pelekat ruang letak kereta khas daripada Datuk Bandar dan telah membayar caj yang ditetapkan.

(3) Permohonan bagi pelekat ruang letak kereta khas hendaklah dibuat kepada Datuk Bandar mengikut cara dan borang yang ditentukan olehnya.

(4) Datuk Bandar boleh, mengikut budi bicaranya, meluluskan atau menolak permohonan di bawah subperenggan (3).

(5) Pelekat ruang letak kereta khas hendaklah dipamerkan pada cermin hadapan kenderaan motor itu dan hendaklah sah selama masa yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(6) Pelekat ruang letak kereta khas hendaklah mengandungi butir-butir seperti nombor siri, tempoh sah dan nombor pendaftaran kereta motor yang akan diletakkan di ruang letak kereta khas di tempat letak kereta bermeter.

(7) Tiada seorang pun boleh menggunakan ruang letak kereta khas dengan menggunakan pelekat ruang letak kereta khas yang telah habis tempoh.

(8) Pelekat ruang letak kereta khas hendaklah dikembalikan kepada Datuk Bandar apabila habis tempohnya.

(9) Mana-mana orang yang meletak kenderaan motornya di ruang letak kereta khas tanpa pelekat letak kereta khas atau meletak kenderaan motornya bukan di ruang letak kereta khas yang telah dikhaskan mengikut pelekat letak kereta khas yang telah dikeluarkan kepadanya adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi tiga ratus ringgit.

#### **Pembaharuan pelekat ruang letak kereta khas di tempat letak kereta bermeter**

16. (1) Seseorang yang kepadanya pelekat ruang letak kereta khas dikeluarkan boleh memohon kepada Datuk Bandar untuk pembaharuan pelekat ruang letak kereta khas.

(2) Permohonan bagi pembaharuan pelekat ruang letak kereta khas di bawah subperenggan (1) hendaklah dibuat mengikut cara dan bentuk yang ditentukan oleh Datuk Bandar dan hendaklah dikemukakan berserta dengan pelekat ruang letak kereta khas yang hendak diperbaharui.

(3) Datuk Bandar boleh, menurut budi bicaranya, meluluskan atau menolak permohonan di bawah subperenggan (1) dan jika permohonan itu diluluskan, suatu pelekat baru hendaklah dikeluarkan apabila dibayar caj yang ditetapkan.

#### **Kehilangan dan pengubahan pelekat ruang letak kereta khas di tempat letak kereta bermeter**

17. (1) Seseorang yang kehilangan pelekat ruang letak kereta khas yang masih sah, boleh memohon kepada Datuk Bandar untuk kelulusan bagi pelekat gantian ruang letak kereta khas dan caj sebanyak tiga puluh ringgit hendaklah dikenakan terhadapnya.

(2) Datuk Bandar boleh, apabila suatu permohonan dibuat oleh orang yang kepadanya pelekat ruang letak kereta khas dikeluarkan, membenarkan pelekat ruang letak kereta khas yang dikeluarkan bagi suatu kenderaan motor dipindahkan kepada kenderaan motor lain yang dipunyai oleh orang itu.

(3) Apabila permohonan di bawah subperenggan (2) diluluskan, orang itu hendaklah mengemukakan pelekat itu kepada Datuk Bandar untuk perubahan nombor pendaftaran kenderaan motornya pada pelekat itu dan caj sebanyak sepuluh ringgit hendaklah dikenakan terhadapnya.

#### **Gangguan terhadap meter letak kereta**

18. (1) Tiada seorang pun boleh mengalih, mengetuk, mengganggu atau mengusik perjalanan meter letak kereta atau cuba melakukan mana-mana daripada perbuatan sedemikian, atau tanpa kuasa yang sewajarnya menampal atau cuba menampal apa-apa pelekat, iklan, notis, dokumen, papan atau benda, atau mengecat atau menulis atas, atau merosakkan atau selainnya menyalahgunakan mana-mana meter letak kereta.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ringgit.

### **BAHAGIAN IV**

#### **TEMPAT LETAK KERETA BERKUPON**

##### **Pengeluaran kupon letak kereta**

19. Datuk Bandar atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Datuk Bandar boleh mengeluarkan kupon letak kereta setelah dibayar caj yang ditetapkan dalam Jadual bagi meletak kenderaan motor di tempat letak kereta berkupon.

##### **Pematuhan syarat**

20. (1) Mana-mana orang yang menggunakan kupon letak kereta hendaklah mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan pada kupon letak kereta.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ringgit.

##### **Penggunaan kupon letak kereta**

21. Mana-mana orang yang menggunakan kupon letak kereta hendaklah meletak kenderaan motornya di tempat letak kereta berkupon.

##### **Mempamerkan kupon letak kereta**

22. (1) Mana-mana pemandu atau pemunya kenderaan motor yang menggunakan kupon letak kereta hendaklah mempamerkan kupon yang sah di atas papan pemuka menghadap cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat bagi memastikan bahawa pandangan atendan letak kereta tidak terhalang untuk memeriksa kupon itu ketika kenderaan motor diletakkan di tempat letak kereta berkupon.

(2) Jika lebih daripada satu kupon diperlukan untuk digunakan di tempat letak kereta berkupon, pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah mempamerkan kesemua kupon itu pada masa yang sama.

(3) Mana-mana kupon letak kereta yang telah digunakan mengikut tempoh masa yang diperlukan hendaklah menjadi tidak sah jika kupon itu dipinda, diubah atau gagal dipamerkan secara jelas.

#### **Kesalahan**

23. Pemandu atau pemunya kenderaan motor yang—

- (a) gagal mempamerkan kupon letak kereta yang sah dengan jelas; atau
- (b) mempamerkan kupon letak kereta yang telah tamat tempoh,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ringgit.

### **BAHAGIAN V**

#### **TEMPAT LETAK KERETA BERMUSIM**

#### **Larangan meletak kenderaan motor tanpa pelekat letak kereta bermusim**

24. Tiada seorang pun boleh meletak atau menyebabkan atau membenarkan diletakkan mana-mana kenderaan motor dalam ruang letak kereta bermusim tanpa pelekat letak kereta bermusim atau terus meletak atau menyebabkan atau membenarkan terus diletak mana-mana kenderaan motor selepas tamat tempoh letak kereta.

#### **Pelekat letak kereta bermusim**

25. (1) Tiada seorang pun boleh menggunakan sesuatu ruang letak kereta bermusim melainkan dia telah memperoleh pelekat letak kereta bermusim daripada Datuk Bandar dan telah membayar caj yang ditetapkan dalam Jadual.

(2) Permohonan bagi pelekat letak kereta bermusim hendaklah dibuat kepada Datuk Bandar mengikut cara dan bentuk yang ditentukan dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Datuk Bandar.

(3) Datuk Bandar boleh, mengikut budi bicaranya, meluluskan atau menolak permohonan di bawah subperenggan (2).

(4) Pelekat letak kereta bermusim hendaklah dipamerkan pada cermin hadapan kenderaan motor itu dan adalah sah selama tempoh yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(5) Pelekat letak kereta bermusim hendaklah mengandungi nombor siri, tempoh sah dan nombor pendaftaran kenderaan motor yang akan diletakkan di ruang letak kereta bermusim itu.

(6) Tiada seorang pun boleh menggunakan ruang letak kereta bermusim dengan menggunakan pelekat letak kereta yang telah habis tempoh.

(7) Pelekat letak kereta bermusim hendaklah dikembalikan kepada Datuk Bandar apabila habis tempohnya.

(8) Mana-mana orang yang meletak kenderaan motornya di ruang letak kereta bermusim tanpa pelekat letak kereta bermusim atau meletak kenderaan motornya bukan di ruang letak kereta bermusim yang ditentukan mengikut pelekat letak kereta bermusim yang telah dikeluarkan kepadanya melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ringgit.

(9) Suatu pelekat letak kereta bermusim boleh dibatalkan oleh Datuk Bandar pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.

#### **Pembaharuan pelekat letak kereta bermusim**

26. (1) Seseorang yang kepadanya pelekat letak kereta bermusim dikeluarkan boleh memohon kepada Datuk Bandar untuk memperbaharui pelekat letak kereta bermusim itu.

(2) Permohonan bagi pembaharuan hendaklah dibuat mengikut cara dan bentuk yang ditentukan oleh Datuk Bandar dan hendaklah dikemukakan berserta dengan pelekat letak kereta bermusim yang hendak diperbaharui.

(3) Datuk Bandar boleh, menurut budi bicaranya, meluluskan atau menolak permohonan di bawah subperenggan (1) dan jika permohonan itu diluluskan, suatu pelekat baru hendaklah dikeluarkan apabila caj yang ditetapkan dibayar.

#### **Kehilangan atau pemindahan pelekat letak kereta bermusim**

27. (1) Seseorang yang kehilangan pelekat letak kereta bermusimnya yang masih sah boleh memohon kepada Datuk Bandar bagi pelekat gantian dan caj sebanyak tiga puluh ringgit hendaklah dikenakan terhadapnya.

(2) Datuk Bandar boleh, apabila suatu permohonan dibuat oleh orang yang kepadanya pelekat letak kereta bermusim dikeluarkan bagi suatu kenderaan motor, membenarkan pelekat letak kereta bermusim itu dipindahkan kepada kenderaan motor lain yang dipunyai oleh orang itu.

(3) Apabila permohonan di bawah subperenggan (2) diluluskan, orang itu hendaklah mengemukakan pelekat itu kepada Datuk Bandar untuk perubahan nombor pendaftaran kenderaan motor pada pelekat itu dan caj sebanyak sepuluh ringgit hendaklah dikenakan terhadapnya.

## BAHAGIAN VI

## TEMPAT LETAK KERETA BERTIKET

**Larangan meletak kenderaan motor tanpa tiket letak kereta**

28. (1) Tiada seorang pun boleh—

- (a) meletakkan, menyebabkan atau membenarkan mana-mana kenderaan motor diletakkan di mana-mana tempat letak kereta bertiket tanpa tiket letak kereta; atau
- (b) terus meletak, menyebabkan atau membenarkan mana-mana kenderaan motor terus diletak dalam ruang letak kereta selepas tamat tempoh masa suatu kenderaan motor itu dibenarkan diletak.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ringgit.

**Pembayaran caj yang ditetapkan**

29. (1) Sebaik sahaja kenderaan motor diletakkan di tempat letak kereta bertiket, atendan letak kereta hendaklah mengeluarkan tiket letak kereta dan meletakkan tiket itu pada cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat dan pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah membayar caj yang ditetapkan semasa dia keluar daripada tempat letak kereta itu.

(2) Jika kenderaan motor yang baginya tiket letak kereta telah dikeluarkan masih berada di ruang letak kereta selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam tiket letak kereta, atendan letak kereta hendaklah mengeluarkan tiket letak kereta yang lain.

**Larangan meletak kenderaan motor kali kedua menggunakan resit asal**

30. Tiada seorang pun yang telah mengalihkan kenderaan motornya daripada ruang letak kereta sebelum habis tempoh yang dibenarkan untuk meletak kenderaan motor itu layak untuk meletak kenderaan motor itu dalam ruang letak kereta yang sama untuk kali kedua tanpa bayaran lanjut caj yang ditetapkan walaupun tempoh asal yang dibenarkan masih belum tamat.

## BAHAGIAN VII

## TEMPAT LETAK KERETA TERKAWAL

**Tempat letak kereta terkawal**

31. Tempat letak kereta terkawal boleh dibahagi-bahagikan kepada ruang-ruang letak kereta sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

**Syarat-syarat untuk meletak kenderaan motor**

32. (1) Mana-mana orang yang meletak kenderaan motornya di tempat letak kereta terkawal hendaklah mendapatkan tiket letak kereta yang dikeluarkan oleh atendan letak kereta atau daripada mesin tiket jenis automatik di pintu masuk tempat letak kereta itu dan pada tiket itu dinyatakan tarikh dan masa masuk ke tempat letak kereta itu.

(2) Setelah menerima tiket letak kereta, pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah menyimpan tiket itu untuk diserahkan kembali kepada atendan letak kereta di pintu keluar dan dia hendaklah membayar caj yang ditetapkan dalam Jadual.

(3) Seseorang yang gagal mengemukakan tiket letak keretanya pada masa dia keluar daripada tempat letak kereta hendaklah, sebagai tambahan kepada caj letak kereta, membayar caj sebanyak sepuluh ringgit.

(4) Mana-mana orang yang gagal mengeluarkan kenderaan motornya daripada tempat letak kereta selepas tempat letak kereta itu ditutup hendaklah disifatkan telah memasuki dan meletak kenderaan motornya di situ pada hari yang berikutnya pada waktu ia mula dibuka dan hendaklah membayar caj yang ditetapkan bagi keseluruhan tempoh kereta itu diletakkan di tempat letak kereta itu.

(5) Mana-mana orang yang meletak kenderaan motornya di tempat letak kereta hendaklah dikenakan caj yang ditetapkan dalam Jadual bagi setiap kali masuk walaupun kenderaan motor itu dikeluarkan daripada tempat letak kereta itu sebelum tamat tempoh letak kereta yang dibenarkan.

(6) Mana-mana orang yang gagal mengemukakan tiket letak kereta ketika hendak keluar daripada tempat letak kereta terkawal atau yang telah kehilangan tiket letak keretanya hendaklah disifatkan telah memasuki kawasan tempat letak kereta itu pada waktu ia mula dibuka pada hari berkenaan dan dia hendaklah membayar caj yang ditetapkan bagi tempoh yang dikira sehingga waktu keluar.

**BAHAGIAN VIII****PELBAGAI****Pematuhan arahan dan syarat**

33. Mana-mana orang yang meletak kenderaan motor di dalam mana-mana ruang letak kereta hendaklah mematuhi apa-apa arahan dan syarat yang dikenakan oleh Datuk Bandar bagi penggunaan ruang letak kereta itu.

**Kenderaan motor yang ditinggalkan**

34. Tiada kenderaan motor dalam mana-mana ruang letak kereta boleh ditinggalkan tanpa jagaan melainkan jika dijadikannya tidak dapat bergerak melalui penggunaan brek atau dengan apa-apa cara lain yang bersesuaian.

**Penggantungan penggunaan tempat letak kereta atau ruang letak kereta**

35. (1) Datuk Bandar boleh menggantung penggunaan mana-mana tempat letak kereta atau ruang letak kereta apabila difikirkannya penggantungan itu semunasabahnya perlu.

(2) Bagi maksud subperenggan (1), Datuk Bandar hendaklah menampalkan suatu notis yang sesuai di tempat letak kereta atau ruang letak kereta itu atau berhampiran dengannya dan adalah menyalahi undang-undang bagi mana-mana orang untuk meletak apa-apa kenderaan motor di tempat letak kereta atau ruang letak kereta itu kecuali berhubung dengan maksud penggantungan itu dibuat.

(3) Jika mana-mana orang menghendaki penggunaan mana-mana ruang letak kereta supaya digantung bagi maksud persendirian, permohonan bagi penggantungan itu hendaklah dibuat kepada Datuk Bandar dengan menyatakan lokasi, bilangan ruang letak kereta dan tempoh penggantungan yang dikehendaki dan bayaran sebanyak dua puluh lapan ringgit sehari untuk setiap ruang letak kereta yang akan digunakan hendaklah dibayar kepada Datuk Bandar.

**Kenderaan motor yang dikecualikan**

36. Perintah ini tidak terpakai bagi--

- (a) mana-mana ambulans atau mana-mana kereta bomba;
- (b) sesuatu kenderaan motor yang telah diarahkan ke ruang letak kereta oleh pegawai polis beruniform semasa menjalankan tugasnya;
- (c) kereta rasmi Ahli Parlimen yang dikenal pasti dengan lambang Parlimen yang dipamerkan pada kereta itu; dan
- (d) kereta ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur yang dikenal pasti dengan suatu pelekat yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar yang mengandungi nombor pendaftaran kereta itu.

**Halangan**

37. (1) Tiada seorang pun boleh menghalang atau menyebabkan dihalang mana-mana ruang letak kereta.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ringgit.

(3) Atendan letak kereta boleh mengalihkan atau menahan mana-mana kenderaan motor atau barang yang menyebabkan halangan itu.

**Kenderaan motor hendaklah dialihkan selepas satu hari**

38. (1) Mana-mana kenderaan motor yang diletak secara berterusan selama lebih daripada satu hari dalam ruang letak kereta selepas tempoh letak kereta telah tamat hendaklah dialihkan oleh Datuk Bandar daripada ruang letak kereta itu dan disimpan di bawah jagaan Datuk Bandar.

(2) Mana-mana kenderaan motor yang dialihkan oleh Datuk Bandar hendaklah ditahan sehingga caj berkenaan dengan penggunaan ruang letak kereta sehingga masa kenderaan motor itu dialihkan daripada ruang letak kereta itu berserta dengan fi pengalihan dan penahanan sebagaimana yang ditetapkan dalam kaedah-kaedah yang berkaitan dengan pengalihan dan penahanan yang dibuat di bawah Akta dibayar.

#### **Larangan berdagang atau berniaga**

39. (1) Tiada seorang pun boleh menggunakan mana-mana kenderaan motor yang diletakkan dalam ruang letak kereta bagi maksud menjalankan apa-apa perdagangan atau perniagaan atau menyimpan apa-apa barang berkaitan dengan perdagangan atau perniagaannya dalam kenderaan motor yang diletak dalam ruang letak kereta.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ringgit.

(3) Atendan letak kereta boleh mengalihkan atau menahan mana-mana kenderaan motor yang diletakkan dalam ruang letak kereta oleh mana-mana orang bagi maksud menjalankan apa-apa perdagangan atau perniagaan atau mengalihkan atau menahan apa-apa barang dalam kenderaan motor itu yang berkaitan dengan perdagangan atau perniagaannya yang disimpan dalam kenderaan motor yang diletakkan dalam ruang letak kereta.

#### **Larangan menggunakan ruang letak kereta yang dikhaskan untuk orang kurang upaya**

40. (1) Tiada seorang pun boleh menggunakan ruang letak kereta yang dikhaskan untuk orang kurang upaya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ringgit.

(3) Atendan letak kereta boleh mengalihkan atau menahan mana-mana kenderaan motor yang diletak dalam ruang letak kereta yang dikhaskan untuk orang kurang upaya.

#### **Larangan menggunakan tempat letak kereta atau ruang letak kereta selain bagi maksud meletak kereta**

41. (1) Tiada seorang pun boleh menggunakan tempat letak kereta atau ruang letak kereta untuk meletak atau mempamerkan apa-apa notis atau iklan pada mana-mana bahagian kenderaan motor bagi maksud menjual kenderaan motor itu semasa kenderaan motor itu diletakkan dalam ruang letak kereta atau menggunakan kenderaan motor yang diletakkan dalam ruang letak kereta untuk apa-apa maksud lain selain bagi maksud meletak kereta.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ringgit.

#### **Pengalihan kenderaan motor oleh Datuk Bandar**

42. (1) Datuk Bandar boleh mengalihkan mana-mana kenderaan motor yang diletakkan dengan cara yang melanggar mana-mana peruntukan Perintah ini.

(2) Mana-mana kenderaan motor yang dialihkan oleh Datuk Bandar di bawah Perintah ini adalah atas risiko pemandu atau pemunya kenderaan motor itu.

#### **Pengapitan roda kenderaan motor oleh Datuk Bandar**

43. Walau apa pun perenggan 42, Datuk Bandar boleh mengapit roda mana-mana kenderaan motor yang diletakkan dengan cara yang melanggar mana-mana peruntukan Perintah ini.

#### **Penahanan kenderaan motor atau barang yang dialihkan oleh Datuk Bandar**

44. (1) Tertakluk kepada seksyen 64 Akta, mana-mana kenderaan motor atau barang yang dialihkan menurut mana-mana peruntukan Perintah ini hendaklah ditahan sehingga fi bagi pengalihan dan penahanan itu sebagaimana yang ditetapkan dalam kaedah-kaedah yang berkaitan dengan pengalihan dan penahanan yang dibuat di bawah Akta dibayar.

(2) Datuk Bandar tidak bertanggung bagi apa-apa kerosakan yang disebabkan pada mana-mana kenderaan motor atau barang dan tidak bertanggung untuk membayar ganti rugi kepada pemunya kenderaan motor semasa menjalankan pengalihan itu dan semasa kenderaan motor atau barang itu dalam jagaan Datuk Bandar.

#### **Larangan membaiki kenderaan motor**

45. (1) Tiada seorang pun boleh membaiki atau membenarkan dibaiki kenderaan motor di dalam ruang letak kereta melainkan dalam keadaan jika pembaikan adalah perlu bagi membolehkan kenderaan motor itu dialihkan daripada tempat letak kereta itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ringgit.

#### **Larangan membasuh atau mencuci**

46. (1) Tiada seorang pun boleh membasuh atau mencuci atau menyebabkan atau membenarkan dibasuh atau dicuci mana-mana kenderaan motor di dalam mana-mana ruang letak kereta.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ringgit.

#### Peruntukan mengenai tanda dan isyarat

47. Datuk Bandar boleh mendirikan apa-apa tanda dan isyarat sebagaimana yang difikirkan perlu sebagai arahan atau peraturan kenderaan motor dalam mana-mana ruang letak kereta.

#### Kecemasan

48. Walau apa pun kuasa yang telah diperuntukkan kepada atendan letak kereta di bawah Perintah ini, dalam keadaan kecemasan, mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Datuk Bandar atau mana-mana pegawai polis beruniform, boleh mengalihkan atau menyebabkan dialih mana-mana kenderaan motor yang diletakkan di dalam ruang letak kereta ke mana-mana tempat yang difikirkannya sesuai.

#### Datuk Bandar tidak bertanggunggan bagi kehilangan atau kerosakan

49. Datuk Bandar tidak bertanggunggan bagi apa-apa kehilangan atau kerosakan pada mana-mana kenderaan motor atau lekapan atau kandungan dalam mana-mana kenderaan motor yang diletakkan di mana-mana tempat letak kereta atau ruang letak kereta.

#### Pembatalan

50. Perintah Lalu-lintas Jalan (Peruntukan mengenai Tempat Letak Kereta) (Ibu Kota) 1969 [P.U. (A) 351/1969] dan Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kereta Bermeter) (Wilayah Persekutuan) 1984 [P.U. (A) 30/1984] dibatalkan.

JADUAL  
[Perenggan 2, 19, 25(1), 32(2) dan 32(5)]

Bil.	(1) <i>Tempat Letak Kereta</i>	(2) <i>Caj yang ditetapkan</i>	(3) <i>Jenis Letak Kereta</i>	(4) <i>Masa Kawalan</i>
1.	Di dalam kawasan perancangan pusat	(a) RM2.00 bagi satu jam pertama atau sebahagian daripadanya  (b) RM3.00 bagi jam kedua dan berikutnya	Tempat letak kereta bermeter  Tempat letak kereta bertiket  Tempat letak kereta ber kupon  Tempat letak kereta terkawal	Sebagaimana yang ditunjukkan dalam notis

Bil.	(1) Tempat Letak Kereta	(2) Caj yang ditetapkan	(3) Jenis Letak Kereta	(4) Masa Kawalan
		RM400.00 sebulan atau sebahagian daripadanya	Ruang letak kereta khas di tempat letak kereta bermeter	
		RM300.00 sebulan atau sebahagian daripadanya	Tempat letak kereta bermusim	Sebagaimana yang ditunjukkan dalam notis
2.	Kawasan di luar kawasan perancangan pusat (beraktiviti tinggi)	RM1.50 bagi tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya	Tempat letak kereta bermeter Tempat letak kereta bertiket Tempat letak kereta berkupon Tempat letak kereta terkawal	Sebagaimana yang ditunjukkan dalam notis
		RM240.00 sebulan atau sebahagian daripadanya	Ruang letak kereta khas di tempat letak kereta bermeter	
		RM150.00 sebulan atau sebahagian daripadanya	Tempat letak kereta bermusim	Sebagaimana yang ditunjukkan dalam notis
3.	Kawasan di luar kawasan perancangan pusat	RM1.00 bagi tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya	Tempat letak kereta bermeter Tempat letak kereta bertiket Tempat letak kereta berkupon Tempat letak kereta terkawal	Sebagaimana yang ditunjukkan dalam notis
		RM200.00 sebulan atau sebahagian daripadanya	Ruang letak kereta khas di tempat letak kereta bermeter	Sebagaimana yang ditunjukkan dalam notis
		RM100.00 sebulan atau sebahagian daripadanya	Tempat letak kereta bermusim	Sebagaimana yang ditunjukkan dalam notis

Dibuat 29 Jun 2016  
[DBKL/JUP/BPPP/GN/7002; PN(PU2)460/LXXXVI]

DATUK SERI HJ. MHD. AMIN NORDIN BIN ABD AZIZ  
Datuk Bandar Kuala Lumpur

ROAD TRANSPORT ACT 1987

ROAD TRANSPORT (PROVISION OF PARKING PLACES) FEDERAL  
TERRITORY OF KUALA LUMPUR ORDER 2016

ARRANGEMENT OF PARAGRAPHS

PART I

PRELIMINARY

Paragraph

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II

GENERAL PROVISIONS

3. Prohibition of parking except in a parking place or parking space
4. Notice board
5. Collection of prescribed charge
6. Mode of parking motor vehicle
7. Continuance of parking after expiry of parking period

PART III

METERED PARKING PLACE

8. Metered parking place
9. Prohibition of parking without payment of prescribed charge
10. Prohibition of parking after expiry of parking period
11. Faulty parking meter
12. Controlled parking hours
13. Limitation of parking hours
14. Restriction of parking
15. Special parking in a metered parking place
16. Renewal of special parking sticker in a metered parking place
17. Loss and transfer of special parking sticker in a metered parking place
18. Interference with parking meters

**PART IV****COUPON PARKING PLACE**

## Paragraph

19. Issuance of parking coupon
20. Compliance with conditions
21. Use of parking coupon
22. Display of parking coupon
23. Offences

**PART V****SEASON PARKING PLACE**

24. Prohibition of parking of motor vehicle without season parking sticker
25. Season parking sticker
26. Renewal of season parking sticker
27. Loss or transfer of season parking sticker

**PART VI****TICKETED PARKING PLACE**

28. Prohibition of parking without parking ticket
29. Payment of prescribed charge
30. Prohibition against parking a second time on original receipt

**PART VII****CONTROLLED PARKING PLACE**

31. Controlled parking place
32. Conditions for parking motor vehicle

**PART VIII****MISCELLANEOUS**

33. Compliance with directions and conditions
34. Unattended motor vehicles
35. Suspension of use of parking places or parking spaces
36. Motor vehicles exempted

Paragraph

- 37. Obstruction
- 38. Motor vehicle to be removed after one day
- 39. Prohibition of trade or business
- 40. Prohibition of using parking space designated for disabled person
- 41. Prohibition against using parking place or parking space other than for the purpose of parking
- 42. Removal of motor vehicle by the Datuk Bandar
- 43. Clamping of wheels of motor vehicle by the Datuk Bandar
- 44. Detention of motor vehicle or things removed by the Datuk Bandar
- 45. Prohibition of repairs of motor vehicles
- 46. Prohibition of washing or cleaning
- 47. Provision of signs and signals
- 48. Emergency
- 49. Datuk Bandar not liable for loss or damage
- 50. Revocation

SCHEDULE

## ROAD TRANSPORT ACT 1987

ROAD TRANSPORT (PROVISION OF PARKING PLACES) FEDERAL  
TERRITORY OF KUALA LUMPUR ORDER 2016

In exercise of the powers conferred by section 72 of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the Datuk Bandar makes the following order:

## PART 1

## PRELIMINARY

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Road Transport (Provision of Parking Places) Federal Territory of Kuala Lumpur Order 2016**.

(2) This Order comes into operation on 18 July 2016.

**Interpretation**

2. In this Order, unless the context otherwise requires—

“Act” means the Road Transport Act 1987 [Act 333];

“parking attendant” means—

- (a) a traffic warden appointed by the Datuk Bandar under section 3 of the Act;
- (b) a person authorised by the Datuk Bandar to carry out or to enforce the provisions of this Order and to collect prescribed charge; or
- (c) a person appointed by the Datuk Bandar to control and supervise parking places or parking spaces and to collect the prescribed charge;

“prescribed charge” means the charge prescribed in the Schedule as payment of parking charges in respect of a motor vehicle parked in any parking space;

“hour” includes part of an hour;

“prepaid card” means a card embedded with a microprocessor chip which can retrieve, store and modify specific data base designed for the purpose of making any payment issued by the Datuk Bandar or any agent authorised by the Datuk Bandar;

“area outside the central planning area” means the area referred to in the Federal Capital (City Area) Order 1974 [P.U. (A) 42/1974] but excluding the central planning area;

“central planning area” means the area bordering with and includes Jalan Tun Razak, Jalan Yew, Jalan Sungai Besi, Jalan Lapangan Terbang Lama, Jalan Istana and Lebuhraya Mahameru;

“parking coupon” means a coupon issued by the Datuk Bandar or any agent appointed by the Datuk Bandar upon payment which indicates the prescribed charge, parking period and the date a motor vehicle is permitted to be parked in any parking space;

“parking meter” means an apparatus, including the steel post, bracket or any other support connected to the parking meter constructed, designed and operated by the insertion of coins, notes, a prepaid card or by any other method of payment which indicates the parking period and the date a motor vehicle is permitted to be parked in any parking space;

“automatic parking meter” means a parking meter which operates by the insertion of coins, notes or a prepaid card into the parking meter and the mechanism in the parking meter will automatically indicate the parking period and the date the motor vehicle is allowed to be parked in accordance with the value of the coins, notes or prepaid card inserted;

“manual parking meter” means a parking meter which operates by the insertion of coins, notes or prepaid card into the parking meter and by the manipulation of a handle or pushing or switching on any other device to enable the coins, notes or prepaid card to be accepted by the meter which will indicate the parking period and the date the motor vehicle is allowed to be parked in accordance with the value of the coins, notes or prepaid card inserted;

“season parking sticker” means a sticker issued by the Datuk Bandar to a person to park his motor vehicle in a season parking space for any period as may be stated in the sticker upon payment of the prescribed charge;

“special parking sticker” means a sticker issued by the Datuk Bandar to a person to park his motor vehicle in a special parking space for any period as may be stated in the sticker upon payment of the prescribed charge;

“special parking space” means a parking space in a metered parking place where the payment is made on a monthly basis and the parking space is marked in such manner as prescribed by the Datuk Bandar, in which only a motor vehicle for which a season parking sticker is purchased may be parked;

“parking space” means a space marked out with painted lines, studs, signs or other identification for the parking of a motor vehicle along the road or any part of the road or in a parking place;

“season parking space” means a parking space where payment of the charge is made on a monthly basis and the parking space is marked in such manner as prescribed by the Datuk Bandar, in which only a motor vehicle for which a season parking sticker is purchased may be parked;

“sign and signals” has the same meaning as defined in rule 2 of the Road Traffic (Size, Colour and Type) Rules 1959 [*L.N. 167/1959*];

“parking place” means any place designated as a place or area for the parking of a motor vehicle provided by the Datuk Bandar or transferred to or vested to the Datuk Bandar by any other manner;

“coupon parking place” means a parking place where a motor vehicle using a parking coupon is allowed to park;

“metered parking place” means a parking place where a manual parking meter or automatic parking meter is used;

